

**TERMA DAN SYARAT**  
**PENYEWAAN KIOSK SISWANIAGA**  
**PUSAT KEUSAHAWANAN UNIVERSITI (PKUU)**

1. Penyewaan Kiosk Siswaniaga adalah terbuka kepada pelajar Program Sarjana Muda USIM dan Pelajar Sarjana yang berminat untuk menjana pendapatan, persatuan-persatuan pelajar, sekretariat-sekretariat fakulti dan kumpulan projek lawatan antarabangsa yang rasmi di bawah USIM.
2. Keutamaan di berikan kepada pelajar yang ingin menjana pendapatan secara berkumpulan.
3. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi Borang Penyewaan Kiosk Siswaniaga yang boleh didapati di Pejabat Pusat Keusahawanan Universiti (PKUU).
4. Tempoh penyewaan: Minimum 90 hari/ 3 bulan.
5. Penyewa yang telah tamat tempoh penyewaan boleh menyambung penyewaan dengan mengisi borang baru.
6. Bayaran akan dikenakan sebanyak RM300.00 untuk 3 bulan. Bayaran hendaklah dibuat sebelum memulakan perniagaan.
7. Penyewa dilarang menjadi proxy kepada pihak lain samada dari dalam USIM atau dari luar USIM
8. Jenis-jenis perniagaan yang dibenarkan adalah seperti berikut:
  - a) Menjual barangan dan perkhidmatan yang menjadi keperluan dan kehendak warga USIM terutamanya pelajar-pelajar. Sebagai contoh: perkhidmatan percetakan, barangan keperluan harian, aksesori, pakaian dan sebagainya.
  - b) Makanan & minuman ( Grab & Go).
  - c) Kraftangan dan hasil-hasil kreatif.
  - d) Perkhidmatan seperti membaiki komputer, merekabentuk laman web.
9. Penyewa dilarang sama sekali memasak di atas kiosk dan di kawasan sekitarnya.
10. Penyewa yang menjual makanan & minuman diwajibkan mengambil suntikan Typhod..
11. Penyewa tidak dibenarkan sama sekali untuk mengubah kedudukan kiosk seperti yang telah ditetapkan.
12. Penyewa perlu mematuhi setiap peraturan yang ditetapkan oleh Pusat Keusahawanan Universiti (PKUU) USIM dari semasa ke semasa.
13. Sekiranya didapati penyewa tidak memenuhi terma dan syarat seperti di atas, tindakan keras akan diambil dan penyewa diarahkan untuk ditamatkan penyewaan Kiosk Siswaniaga dengan sertamerta.

**Sebarang pertanyaan sila hubungi Pusat Keusahawanan Universiti (PKUU) USIM**  
**di talian telefon : 06-7986485/6486.**